



# JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

## PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK

# ***ELEKTRIK***

KOD : B020

SUBJEK : RULES & REGULATIONS

TARIKH : 21 MEI 2001

MASA : 9.00 – 12.00 TGH

DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN

## ARAHAN KEPADA CALON:

1. *Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.*
2. *Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.*
3. *Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.*
4. *Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.*
5. *Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.*
6. *Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.*
7. *Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.*
8. *Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.*
9. *Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.*
10. *Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.*
11. *Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.*
12. *Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.*
13. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.*
14. *Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.*
15. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.*



**PERKARA : B020 - RULES & REGULATION**

**ARAHAN KEPADA CALON**

*Kertas ini mengandungi tujuh (7) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

**SOALAN 1**

- a) Seorang pegawai kerajaan adalah dilarang membuat pekerjaan luar kecuali setelah mendapatkan kebenaran ketua jabatannya. Nyatakan jenis-jenis pekerjaan luar yang dimaksudkan itu.  
*(8 markah)*
- b) Nyatakan asas yang digunakan oleh seorang ketua jabatan dalam menimbangkan sesuatu permohonan membuat kerja luar.  
*(6 markah)*
- c) Senaraikan tindakan/hukuman tatatertib yang boleh dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ke atas seseorang pegawai jika disabitkan bersalah terhadap sesuatu kesalahan tatatertib.  
*(6 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Dalam IEE edisi ke 16 ada menerangkan bahawa tujuan utama Peraturan IEE dibuat adalah untuk melindungi **tiga (3)** perkara utama akibat daripada pemasangan elektrik. Nyatakan **tiga (3)** perkara tersebut.  
*(6 markah)*
- b) Nyatakan bahaya-bahaya yang mungkin timbul akibat daripada sesuatu pemasangan elektrik tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh IEE edisi ke 16.  
*(8 markah)*

SOALAN 2 (Sambungan)

- c) Mengikut IEE edisi ke 16 untuk bab 52 jenis-jenis litar terbahagi kepada 3 kategori. Huraikan maksud litar-litar berikut:-
- i) Kategori litar 1
  - ii) Kategori litar 2
  - iii) Kategori litar 3

*(6 markah)*

SOALAN 3

- a) Terangkan dengan ringkas maksud istilah berikut seperti terdapat dalam Akta Bekalan Elektrik 1990
- i) Voltan amat rendah
  - ii) Voltan rendah
- b) Nyatakan kelayakan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, orang kompeten untuk mengerjakan, mengendalikan atau mempunyai kawalan bagi kerja-kerja pemasangan berikut:-
- i) bagi pemasangan elektrik dikendalikan pada voltan yang tidak melebihi 600V.
  - ii) bagi pemasangan elektrik pada voltan melebihi 600V dan tidak melebihi 132,000V
  - iii) bagi pemasangan elektrik pada voltan melebihi 132,000V.

*(16 markah)*

SOALAN 4

- a) Terangkan bagaimana seseorang itu boleh mendapat kejutan elektrik dan apakah kesan daripada kejutan elektrik tersebut.  
(4 markah)
- b) Salah satu bahaya yang timbul akibat daripada kerosakan sistem pemasangan elektrik ialah kebakaran. Nyatakan **empat (4)** sebab kenapa kebakaran boleh timbul dalam satu-satu pemasangan elektrik.  
(8 markah)
- c) Apakah yang perlu dilakukan apabila sesuatu kebakaran akibat daripada kerosakan pada pemasangan elektrik.  
(5 markah)
- d) Apakah rawatan kecemasan yang perlu diberikan kepada mangsa yang terkena kejutan elektrik.  
(3 markah)

SOALAN 5 ✓

- a) Nyatakan sebab-sebab Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan perakuan kekompetenan yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan Elektrik 1994.  
(4 markah)
- b) Apakah "Salah Laku Serius" yang dimaksudkan dalam Peraturan 59 (3) dan 59(4) Elektrik 1994.  
(16 markah)

SOALAN 6

Cuti diistilahkan sebagai tempoh pegawai dibenarkan meninggalkan tugasnya dan peninggalan tugas itu tidak dikira sebagai putus perkhidmatan atau sebagai berhenti kerja.

- a) Jelaskan **tiga (3)** jenis cuti kerana perkhidmatan yang dilayakkan atas seseorang pegawai.  
(9 markah)

**SOALAN 6 (Sambungan)**

- b) Senaraikan **empat (4)** jenis cuti yang boleh diberikan kepada seseorang pegawai kerajaan atas sebab perubahan.

*(8 markah)*

- c) Ketua Jabatan boleh meluluskan cuti Haji bergaji penuh kepada pegawai-pegawai Islam untuk menunaikan fardhu Haji di Mekah bagi satu jangkamasa yang diperlukan untuk menunaikan amalan tersebut. Nyatakan syarat-syarat yang perlu ditimbangkan oleh Ketua Jabatan untuk meluluskan cuti Haji tersebut

*(3 markah)*

**SOALAN 7**

- a) Merujuk kepada arahan perbendaharaan dalam bab tatacara perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja, nyatakan kuasa am perbendaharaan.

*(4 markah)*

- b) Nyatakan jenis-jenis perolehan kerja yang perlu dibuat untuk nilai-nilai di bawah:-

- i) Kerja bernilai kurang dari RM20,000.00
- ii) Kerja bernilai antara RM20,000.00 ke RM800,000.00
- iii) Kerja bernilai antara RM200,000.00 ke atas.

*(3 markah)*

- c) Apakah yang perlu dinyatakan bagi pemberitahuan sebutharga di papan kenyataan awam jabatan.

*(5 markah)*



**SOALAN 7 (Sambungan)**

- d) Apakah tempoh minimum bagi satu-satu sebutharga.

*(2 markah)*

- e) Merujuk kepada arahan perbendaharaan, semua perolehan yang dipelawa secara tender hendaklah ditimbangkan oleh Lembaga Perolehan. Bagi perolehan di Ibu Pejabat JKR, Lembaga Perolehan Persekutuan terdiri daripada tiga (3) orang ahli. Senaraikan siapakah ahli Lembaga Perolehan Persekutuan tersebut.

*(6 markah)*

\*\*\*\*\*